

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS : **KEPIMPINAN DAN PENYELIAAN**

KOD KURSUS : **BBP 20302**

PROGRAM : **SARJANA MUDA PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL
DENGAN KEPUJIAN**

TARIKH PEPERIKSAAN : **JUN 2013**

JANGKA MASA : **2 JAM**

ARAHAN : **JAWAB SEMUA SOALAN**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA MUKA SURAT

SULIT

- S1**
- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan penyeliaan? (2 markah)
- (b) Nyatakan tiga tujuan penyeliaan dilakukan. (6 markah)
- (c) Terangkan setiap yang berikut mengenai tanggungjawab sebagai seorang penyelia dalam menjalankan tugas penyeliaan yang efektif. (12 markah)
- (i) Perjumpaan secara berkala
 - (ii) Berkomunikasi dengan berkesan
 - (iii) Fokus kepada kekuatan individu yang diselia
 - (iv) Menjadi seorang yang dapat membantu menyelesaikan masalah
- S2**
- (a) Senaraikan enam proses dalam membuat keputusan yang baik. (6 markah)
- (b) Kaedah *brainstorming* merupakan kaedah yang popular digunakan untuk menyelesaikan sesuatu masalah di dalam sesebuah organisasi. (14 markah)
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan *brainstorming*?
 - (ii) Jelaskan tiga langkah dalam melaksanakan kaedah ini dengan memberikan satu contoh pada setiap langkah tersebut.
- S3**
- (a) Senaraikan empat ciri personaliti untuk mewujudkan komunikasi berkesan. (4 markah)
- (b) Terangkan tiga langkah awal untuk memulakan komunikasi dengan orang lain. (6 markah)
- (c) Kaedah bertanya merupakan satu kaedah untuk berkomunikasi di dalam organisasi dengan berkesan. Jelaskan lima faedah yang diperolehi berkomunikasi dengan kaedah bertanya. (10 markah)

- S4 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan istilah yang berikut?
- (i) Motivasi *intrinsic*
 - (ii) Motivasi *extrinsic*
- (4 markah)
- (b) Jelaskan setiap teori motivasi yang berikut dengan memberikan satu contoh yang sesuai.
- (i) *Alderfer's ERG theory*
 - (ii) *Herzberg's two-factor theory*
 - (iii) *Maslow's Hierarchy of Needs*
- (16 markah)
- S5 (a) Anda merupakan seorang guru biasa yang sedang berkhidmat di Sekolah Menengah.
- (i) Nyatakan dua syarat untuk menentukan Pegawai Penilai Prestasi bagi sesebuah Jabatan Kerajaan.

(4 markah)
 - (ii) Siapakah yang layak untuk menjadi Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) anda?

(4 markah)
- (b) Anda merupakan seorang Pegawai Penilai Kedua di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian. Apabila sesi penilaian prestasi dijalankan, didapati Pegawai Penilai Pertama memberikan markah kepada Cikgu Budiman sebanyak 63%. Berdasarkan pemantauan anda, guru tersebut merupakan seorang yang berdedikasi dan mempunyai disiplin yang baik, namun memperoleh jumlah markah yang sangat rendah.
- (i) Nyatakan dua tindakan yang perlu anda lakukan.

(4 markah)
 - (ii) Nyatakan dua kesan terhadap Cikgu Budiman sekiranya beliau mendapat markah penilaian prestasi yang rendah.

(4 markah)
 - (iii) Huraikan dengan jelas, dua perkara yang perlu dilakukan oleh Cikgu Budiman bagi memastikan beliau mendapat penilaian prestasi yang adil.

(4 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT